




Journal of Educational Research and Indigeneous Studies

Volume: 2 (1), 2019

journal website: [www.jerisjournal.com](http://www.jerisjournal.com)

e-ISSN 2682-759X



## Amalan Bersesuaian Perkembangan sebagai Kompetensi Profesional Guru dalam Pendidikan Prasekolah

Muhammad Haziq Mohd Sharif

Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak

### Article Info

**Received:**  
29 May 2019

**Accepted:**  
10 September 2019

**Publish**  
16 September 2019

**E-mail adress:**

Corresponding Author :  
[haziqsharifshuhaila@gmail.com](mailto:haziqsharifshuhaila@gmail.com)

e-ISSN 2682-759X

### Abstract

*Kertas konsep ini bertujuan membincangkan prinsip Amalan Bersesuaian Perkembangan (ABP) atau Developmentally Appropriate Practice yang telah digariskan dalam kurikulum prasekolah di Malaysia. ABP merupakan matlamat utama persediaan kanak-kanak ke pendidikan rendah kerana ABP dilihat berpotensi memberi hasil pembelajaran yang lebih baik. Walaupun ABP yang diperkenalkan oleh National Association for the Education of Young Children (NAEYC) melibatkan pendidikan awal kanak-kanak berumur dari lahir hingga lapan tahun, pendidikan prasekolah merupakan bahagian penting dalam pendidikan awal kerana matlamat pendidikan prasekolah ialah memperkembangkan potensi menyeluruh kanak-kanak berumur empat hingga enam tahun sebelum ke pendidikan rendah. Sungguhpun demikian, guru prasekolah dan tadika masih mengamalkan pengajaran terlalu didaktik, bersifat formal dan berpusatkan guru terutamanya dari sektor swasta. Senario ini bukan sahaja bercanggah dengan prinsip ABP malah lebih membimbangkan dijangka akan menjejaskan matlamat pendidikan prasekolah sekali gus gagal memenuhi tuntutan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Justeru, ABP ialah kompetensi profesional yang perlu dimiliki oleh guru prasekolah dan tadika tidak kira sektor kerajaan mahupun swasta sebagai syarat membina profesionalisme dalam pendidikan prasekolah sekali gus memastikan kanak-kanak memperoleh akses pendidikan prasekolah yang bersesuaian, bermakna dan berkualiti untuk kecemerlangan pendidikan mereka pada masa akan datang.*

**Kata Kunci:** Amalan Bersesuaian Perkembangan, kurikulum prasekolah, pendidikan prasekolah

## **Pengenalan**

Pendidikan awal yang bersesuaian memberi pengaruh yang sangat besar terhadap kecemerlangan kehidupan seseorang. Lapan tahun awal kehidupan kanak-kanak merupakan tempoh pertumbuhan dan perkembangan yang luar biasa iaitu otak berhubung berlaku dengan pesat tiga tahun awal dan potensi berkembang optimum sehingga umur lapan tahun (UNESCO & UNICEF, 2012). Peringkat awal perkembangan kanak-kanak tersebut merupakan tempoh formatif dan kritikal (Yahya, Yaakob, Mohd Izham & Zuraidah, 2015). Bermula dengan pengalaman pendidikan awal yang bersesuaian, minda kanak-kanak dapat dirangsang, minat dan emosi kanak-kanak dapat dibina serta kreativiti dan pemikiran kritis kanak-kanak dapat dijana (KPM, 2010). Sebaliknya, kanak-kanak yang melalui tekanan dan pengalaman tidak bersesuaian boleh mengakibatkan perubahan struktur fizikal otak yang bukan sahaja mengganggu perkembangan kognitif dan sosioemosi, malah kesihatan fizikal dan mental mereka (Agensi Kelayakan Malaysia, 2014). Dengan ini, pendidikan awal yang bersesuaian sama ada bermula dari rumah, pusat penjagaan, prasekolah atau tadika sangat penting sebagai keperluan jangka panjang kanak-kanak memperoleh kecemerlangan dalam kehidupannya.

Umum mengetahui prasekolah, tadika atau tabika ialah tempat belajar khusus untuk kanak-kanak. Namun adakah penggunaan istilah yang berbeza menjadikan konsepnya turut sama berbeza? Apa yang perlu difahami, berdasarkan Akta Pendidikan 1996 (Akta 550), tadika merupakan mana-mana tempat yang menyediakan pendidikan prasekolah dengan murid seramai sepuluh atau lebih, manakala pendidikan prasekolah ialah program pendidikan bagi kanak-kanak empat hingga enam tahun. Matlamat pendidikan prasekolah pula adalah untuk memperkembangkan potensi menyeluruh kanak-kanak umur tersebut sebagai persediaan mereka sebelum mengikuti pendidikan rendah (KPM, 2001; 2010). Yahya et al. (2015) memperincikan pendidikan prasekolah yang dikendalikan oleh sekolah kebangsaan dirujuk sebagai prasekolah, manakala sektor swasta lazimnya dikenali sebagai tabika (Taman Bimbingan Kanak-kanak) atau tadika (Taman Didikan Kanak-kanak). Ini bermakna, ketiga-tiga istilah prasekolah, tadika dan tabika membawa maksud yang sama kerana ketiga-tiganya menyediakan perkhidmatan pendidikan prasekolah dengan matlamat yang sama.

Sehubungan itu, bagi merealisasikan matlamat pendidikan prasekolah seperti digariskan oleh pihak Kementerian, guru-guru dalam bidang ini tidak kira dari sektor kerajaan mahupun swasta perlu mengetahui, memahami dan menguasai ABP. Secara umum, ABP yang diperkenalkan oleh NAEYC atau Pertubuhan Kebangsaan bagi Pendidikan Kanak-kanak Muda merupakan pengetahuan mengenai perkembangan dan pembelajaran kanak-kanak (Gestwicki, 2014). Pengetahuan ini ialah perkara utama mewujudkan program berkualiti kepada kanak-kanak (Kostelnik, Soderman & Whiren, 2014). Jika ditinjau kajian-kajian terdahulu, terbukti ABP dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) memberi hasil yang lebih positif kepada kanak-kanak (Alford, Rollins, Padrón & Waxman, 2016; Aliza & Zamri, 2015; Hong & Diamond, 2012). Oleh itu, ABP ialah teras profesionalisme dalam pendidikan awal kerana pengetahuan ini sebagai asas guru melakukan banyak keputusan (Copple & Bredekamp, 2009). Memandangkan pendidikan prasekolah sebahagian daripada pendidikan awal iaitu melibatkan kanak-kanak empat hingga enam tahun, semua guru perlu memiliki pengetahuan asas mengenai perkembangan kanak-kanak dan berkebolehan mengendalikan aktiviti PdP mengikut kesesuaian mereka. Justeru, ABP merupakan kompetensi profesional yang diperlukan oleh seseorang guru sebagai syarat menyediakan pengalaman pendidikan prasekolah berkualiti kepada kanak-kanak.

## **Pinsip Amalan Bersesuaian Perkembangan dalam Kurikulum Prasekolah**

Penggubalan kurikulum prasekolah oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sejak Kurikulum Prasekolah Kebangsaan (KPK), Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK)

2010 sehingga KSPK Semakan 2017 adalah berlandaskan kepada prinsip ABP dan teori pembelajaran kanak-kanak (KPM, 2001; 2010; 2017). ABP yang digariskan dalam KSPK merupakan matlamat utama persediaan kanak-kanak ke sekolah rendah (Jain Chee, Mariani, Abdul Jalil & Nor Mashitah, 2017) dengan tumpuan pembelajaran berpusatkan kanak-kanak (Sharifah & Aliza, 2013a). Hal ini kerana proses Pdp berteraskan ABP lebih berkesan (Sharifah & Aliza, 2013b). Tambah Zetty dan Faridah (2017), ABP yang dinyatakan oleh NAEYC telah diserap dalam KSPK berdasarkan pendekatan dan prinsip pembelajaran seperti perkembangan holistik, pembelajaran bermakna, pembelajaran menyeronokkan dan kemahiran asas untuk pembelajaran sepanjang hayat. Oleh itu, semua guru dalam pendidikan prasekolah perlu mengetahui, memahami dan menguasai ABP terutama apabila melaksanakan KSPK Semakan 2017 memandangkan kurikulum ini merupakan kurikulum kebangsaan yang telah ditetapkan wajib digunakan oleh semua prasekolah, tadika dan tabika tidak kira sektor kerajaan dan swasta di bawah seksyen 22 Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).


Nor Fauzian dan Fauziah (2015) mengakui kandungan kurikulum pendidikan bagi kanak-kanak awal perlu memenuhi kehendak dan keperluan serta perkembangan mereka. Walaupun kurikulum prasekolah di Malaysia menekankan prinsip ABP, guru-guru prasekolah dan tadika masih mengamalkan amalan berpusatkan guru, terlalu didaktik dan bersifat formal dalam aktiviti Pdp harian bersama kanak-kanak. Buktinya, tinjauan Sharifah dan Aliza (2013a) mendapati sebahagian besar 51 guru prasekolah pelbagai sektor termasuk swasta menggunakan pendekatan didaktik berpusatkan guru di dalam kelas kerana tidak meyakini pendekatan belajar melalui bermain disebabkan kekurangan pengetahuan untuk melaksanakan Pdp yang bersesuaian. Kajian kes Tee dan Mariani (2018) pula mendapati amalan dan kepercayaan guru tadika terhadap pembelajaran kanak-kanak tidak sama walaupun guru mempunyai kelayakan ikhtisas dalam pendidikan awal kerana struktur program tadika-tadika swasta di Lembah Klang bersifat formal dan lebih menekankan hasil pembelajaran akademik. Kajian Lerkkanen et al. (2016) telah mengesahkan amalan berpusatkan guru tidak memberi sebarang kesan kepada perkembangan kemahiran bacaan dan matematik kanak-kanak tahap satu malah mempunyai hubungan yang negatif. Jelas senario Pdp bersifat formal ini menimbulkan kebimbangan kerana bukan sahaja bercanggah dengan prinsip ABP dalam KSPK, malah dijangka akan menjejaskan matlamat pendidikan prasekolah sekali gus gagal memenuhi tuntutan FPK. Justeru, ABP sangat penting dalam menentukan kecemerlangan kanak-kanak pada peringkat pendidikan seterusnya.

### **Apakah Amalan Bersesuaian Perkembangan?**

Istilah ABP pertama telah digunakan oleh NAEYC pada tahun 1987 (Gestwicki, 2014) bermatlamat meningkatkan perkembangan holistik kanak-kanak berumur dari lahir hingga lapan tahun dan memberi perhatian kepada kualiti pendidikan dan pembangunan mereka (Si, Qiao & Li, 2017). Secara khusus, Bradekamp dan Rosegrant (1992) dalam Gestwicki (2014), mengatakan "DAP is not a curriculum; it is not rigid set of standards that dictate practice. Rather, it is a framework, a philosophy, or an approach to working with young children" (ms.9). Ini bermakna, ABP diperkenalkan oleh NAEYC lebih 20 tahun lalu merujuk kepada falsafah perancangan kurikulum untuk program awal kanak-kanak bersesuaian mengikut perkembangan kanak-kanak dari lahir sehingga lapan tahun (Jackman, Beaver & Wyatt, 2015; Beaver, Wyatt & Jackman, 2018). ABP juga merupakan pendekatan yang menekankan kaedah Pdp bersesuaian dengan umur, perkembangan diri, kebolehan, bakat dan minat kanak-kanak (Nor Fauzian & Fauziah, 2015). Dengan ini, ABP sebagai garis panduan dan prinsip penting untuk mengajar kanak-kanak awal di dalam bilik darjah (Hong & Diamond, 2012).

Konsep "appropriate" dalam ABP dinyatakan dalam pelbagai dimensi bagi pembangunan profesional seperti kesesuaian umur, sendiri, sosial dan budaya kanak-kanak (Coppie & Bredekamp, 2009; Demircan & Erden, 2015). Empat elemen yang membentuk definisi ABP ialah; (i) membantu kanak-kanak mencapai matlamat mencabar dan boleh dicapai,

(ii) mempertimbangkan amalan yang bersesuaian secara kronologi, individu dan budaya, (iii) menyediakan pengalaman mencabar untuk merangsang minat kanak-kanak, dan (iv) meningkatkan pengetahuan dan penyelidikan pembelajaran kanak-kanak (Ahmed & Ibrahim, 2016; Copple & Bredekamp, 2009). Dengan ini, NAEYC telah mengesahkan ABP merupakan kepercayaan bahawa semua amalan pengajaran perlu bersesuaian dengan umur dan tahap perkembangan kanak-kanak, menghargai kanak-kanak sebagai individu unik dan sensitif terhadap konteks sosial dan budaya mereka (Copple & Bredekamp, 2009; Selmi, Gallagher & Mora-Flores, 2015). Justeru, ABP ialah perkara yang perlu diketahui dan difahami mengenai kanak-kanak dan bukan harapan atau jangkaan mengenai apa yang akan diperoleh oleh kanak-kanak atau matlamat membentuk masa depan kanak-kanak (Gestwicki, 2014). Rajah 1 di bawah menunjukkan secara ringkas ABP sebagai pengetahuan asas yang perlu dimiliki oleh guru dalam pendidikan awal.




**Rajah 1:** Pengetahuan Asas Guru untuk Pengajaran dan Pembelajaran.  
Sumber: Kostelnik et al. (2014, ms.16)

Secara khusus, NAEYC telah menetapkan standard program berdasarkan penyelidikan untuk meningkatkan pengetahuan profesional melalui aktiviti-aktiviti pembangunan profesional seperti bengkel, seminar dan persidangan, menyediakan sumber bagi meningkatkan kualiti pendidikan awal kanak-kanak dan membantu keluarga mengenal pasti program-program pendidikan yang berkualiti (Selmi et al., 2015). Berdasarkan semua penyelidikan tersebut, ABP dirumuskan sebagai teori mengenai perkembangan dan pembelajaran kanak-kanak mengikut peringkat umur, tahap dan konteks tertentu (Gestwicki, 2014). Kenyataan dan perbincangan rasional oleh NAEYC terhadap pendidikan awal dan isu-isu kritikal berkaitannya dimuatkan dalam Penyata Kedudukan ABP. Beaty (2019) mengatakan Penyata Kedudukan ABP tersebut meliputi rangka kerja bagi kesesuaian kurikulum, aktiviti PdP, interaksi orang dewasa dengan kanak-kanak, hubungan program dengan rumah dan penilaian perkembangan kanak-kanak dari lahir hingga usia lapan tahun. Panduan, teras, prinsip dan pendekatan mengenai ABP berdasarkan Penyata Kedudukan ABP dihuraikan mengikut subtajuk di bawah.

### **Panduan Amalan Bersesuaian Perkembangan**

Guru perlu memiliki pengetahuan jelas mengenai sendiri kanak-kanak sebelum memulakan pengajaran (Jackman et al., 2015). Dalam hal ini, NAEYC menyedari saban hari guru dalam bidang awal kanak-kanak banyak melakukan keputusan untuk pembelajaran dan perkembangan kanak-kanak serta merancang strategi bagi membantu kanak-kanak mencapai

hasil yang diinginkan (Gestwicki, 2014). Berdasarkan Penyata Kedudukan ABP, NAEYC mengenal pasti lima bidang untuk menjadikan guru berkemahiran dalam peranannya (seperti pada Rajah 2) dan lima aspek ini saling berkaitan dan tidak boleh diabaikan atau diubah tanpa kelemahan serius pada keseluruhan (Copple & Bredekamp, 2009).



**Rajah 2:** Panduan Amalan Bersesuaian Perkembangan.  
Sumber: Copple & Bredekamp (2009, ms.16-23)

### **Teras Amalan Bersesuaian Perkembangan Kanak-kanak**

Bidang asuhan dan didikan awal kanak-kanak telah mengalami perubahan besar sejak beberapa dekad lalu seiring pelebaran standard dan garis panduan serta ketidakpastian kaedah untuk guru (Jackman et al., 2015). Menyedari hakikat ini, NAEYC telah membangunkan kriteria program tersendiri bertujuan meningkatkan kualiti pendidikan awal kanak-kanak (Beaty, 2019). Dengan ini, ABP digunakan sebagai rangka bagi meningkatkan kualiti pengalaman pembelajaran kanak-kanak dalam memenuhi keperluan holistik mereka (Jackman et al., 2015).

Pendidikan awal yang bersesuaian dengan perkembangan diakui dalam pembelajaran sosial semula jadi, nilai budaya dan kepelbagaian bahasa termasuk pemahaman mengenai keperluan kanak-kanak berinteraksi terhadap persekitaran dengan pengawalan minimum orang dewasa mengikut tahap perkembangan mereka (Jackman et al., 2015). Copple dan Bredekamp (2009) menyebut dengan ABP tidak bermakna boleh mengambil perkara mudah terhadap kanak-kanak, sebaliknya memastikan matlamat dan pengalaman bersesuaian adalah untuk pembelajaran dan perkembangan serta keperluan terhadap kemajuan dan minat mereka. Merujuk Penyata Kedudukan ABP, pengetahuan yang perlu ada bagi mempertimbangkan keputusan adalah berdasarkan Tiga Teras Pertimbangan ABP seperti pada Jadual 1. Semua amalan pengajaran perlu bersesuaian dengan umur dan status perkembangan kanak-kanak, menghargai mereka sebagai individu yang unik dan peka terhadap konteks kehidupan sosial dan budaya mereka (Copple & Bredekamp, 2009).

**Jadual 1:** Teras Pertimbangan Amalan Bersesuaian Perkembangan Kanak-kanak  
Sumber: Beaty (2019, ms.5), Copple & Bredekamp (2009, ms.9-10)

<b>Bil</b>	<b>Teras ABP</b>	<b>Keterangan</b>
------------	------------------	-------------------

1. Perkembangan dan pembelajaran kanak-kanak (kesesuaian umur).	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pengetahuan mengenai ciri-ciri umur kanak-kanak yang membolehkan jangkaan umum dilakukan terhadap pengalaman yang bersesuaian bagi menggalakkan perkembangan dan pembelajaran mereka (Copple &amp; Bredekamp, 2009).</li> <li>- Perlu menunjukkan kesedaran dan pemahaman mengenai turutan pertumbuhan dan perubahan kanak-kanak yang boleh dijangkakan (Beaty, 2019, ms.5).</li> </ul>
2. Setiap kanak-kanak sebagai individu (kesesuaian individu).	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Perkara yang dipelajari oleh pengamal dalam bidang awal kanak-kanak mempunyai implikasi terhadap penyesuaian dan tindak balas terbaik kepada kepelbagaian individu kanak-kanak (Copple &amp; Bredekamp, 2009).</li> <li>- Perlu sedar dan peka perbezaan individu kanak-kanak, sesuaikan bahan dan aktiviti dengan kemampuan perkembangan mereka dan mencabar mereka untuk perkembangan berterusan (Beaty, 2019, ms.5).</li> </ul>
3. Konteks kehidupan sosial dan budaya kanak-kanak (kesesuaian budaya).	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pengamal perlu berusaha memahami kepelbagaian nilai, jangkaan, norma dan bahasa yang membentuk kehidupan kanak-kanak di rumah dan dalam komuniti mereka bagi memastikan pengalaman pembelajaran dalam program atau sekolah bermakna, relevan dan menghormati setiap kanak-kanak dan keluarga mereka (Copple &amp; Bredekamp, 2009).</li> <li>- Perlu mengenali pengaruh budaya yang berbeza terhadap perkembangan kanak-kanak (Beaty, 2019, ms.5).</li> </ul>

### Prinsip Perkembangan dan Pembelajaran Kanak-kanak

Berdasarkan Penyata Kedudukan ABP, NAEYC menekankan pendekatan berpusatkan kanak-kanak iaitu guru terlibat secara aktif dalam pembelajaran kanak-kanak (Huffman & Speer, 2000 dalam Hu, Fan, Yang & Neitzel, 2017). Dalam hal ini, merujuk Selmi et al. (2015), selama 20 tahun NAEYC telah menyarankan dua komitmen asas iaitu; (i) kecemerlangan dan kesamarataan pendidikan awal kepada semua kanak-kanak, dan (ii) guru mesti memahami secara mendalam pembelajaran kanak-kanak dan memupuk perkembangan fizikal, sosial, emosi, bahasa dan kognitif mereka. Perlu difahami perkembangan merupakan perubahan sistematik dan adaptif dalam badan dan fikiran (Jackman et al., 2015). Semua perkembangan kanak-kanak saling berkaitan walaupun pada masa-masa tertentu, satu perkembangan dominan daripada yang lain, namun secara fakta, fungsi kanak-kanak berlaku secara holistik (Kostelnik et al., 2014). Dengan ini, NAEYC menyatakan 12 prinsip perkembangan dan pembelajaran kanak-kanak yang dimurnikan daripada penyelidikan, kajian, teori dan praktikal sejak berdekad lalu (Gestwicki, 2014) seperti berikut:

1. Semua domain perkembangan dan pembelajaran (fizikal, sosial, emosi dan kognitif) penting dan saling berkaitan. Satu domain perkembangan dan pembelajaran kanak-kanak mempengaruhi dan dipengaruhi oleh domain lain.
2. Pelbagai aspek perkembangan dan pembelajaran kanak-kanak perlu mengikuti urutan kemampuan, kemahiran dan pembangunan pengetahuan sedia ada seperti didokumentasikan.

3. Perkembangan dan pembelajaran berlaku pada kadar berlainan antara kanak-kanak dengan kanak-kanak dan tidak sama mengikut kepelbagaian fungsi individu kanak-kanak.
4. Hasil perkembangan dan pembelajaran daripada interaksi kematangan biologi dan pengalaman yang dinamik dan berterusan.
5. Pengalaman awal mempunyai kesan mendalam dan tempoh optimum wujud untuk kepelbagaian jenis perkembangan dan pembelajaran.
6. Perkembangan diteruskan kepada lebih kompleks, pengaturan sendiri dan penggunaan simbol atau perwakilan.
7. Kanak-kanak berkembang baik apabila mereka mempunyai hubungan yang teguh dan konsisten dengan orang dewasa yang responsif dan hubungan positif dengan rakan sebaya.
8. Perkembangan dan pembelajaran berlaku dalam dan dipengaruhi oleh pelbagai konteks sosial dan budaya.
9. Pelbagai jenis strategi pengajaran berkesan untuk menyokong semua jenis pembelajaran kanak-kanak kerana mereka belajar dalam pelbagai cara.
10. Bermain ialah pendekatan penting untuk membangunkan pengaturan sendiri dan memupuk kemahiran bahasa, kognitif dan sosial.
11. Kemajuan perkembangan dan pembelajaran apabila kanak-kanak dicabar untuk mencapai tahap luar penguasaan mereka dan juga apabila mereka mempunyai peluang untuk mempraktikkan kemahiran baru yang telah diperolehi.
12. Pengalaman kanak-kanak membentuk motivasi dan pendekatan mereka seperti kesungguhan, inisiatif dan fleksibel untuk belajar.

### **Pendekatan Pembelajaran Kanak-kanak Mengikut Amalan Bersesuaian Perkembangan**

Hong dan Diamond (2012) mengatakan ABP menekankan keseimbangan peluang pembelajaran bermula daripada kanak-kanak dan bimbingan guru supaya kanak-kanak meneroka dan belajar mengenai dunia sekeliling mereka. Dalam hal ini, ABP di bilik darjah memberi tumpuan kepada pembelajaran konstruktivisme iaitu melihat pembelajaran sebagai membina pengetahuan melalui interaksi dengan persekitaran (Ahmed & Ibrahim, 2016). Piaget dan Vygotsky merupakan tokoh konstruktivis terkenal menyumbang kepada pengetahuan secara signifikan bagaimana meningkatkan pembelajaran dan perkembangan kanak-kanak (Tee & Mariani, 2018). Dengan ini, ABP membolehkan kanak-kanak membina kemahiran kognitif melalui pengalaman konkrit (Sharifah & Aliza, 2013a) dan menggalakkan pembelajaran aktif iaitu kanak-kanak membina pemahaman mengenai dunia dan diberi peluang memilih bahan atau aktiviti yang disukai mengikut keperluan dan minat (Copple & Bredekamp, 2009).

Mengikut prinsip ABP, bermain dilihat sebagai peluang pembelajaran kepada kanak-kanak dan saling bergantung dengan teori perkembangan kanak-kanak (Copple & Bredekamp, 2009). Selaras dengan teori konstruktivisme, kanak-kanak membina makna berdasarkan interaksi langsung melalui bermain sambil belajar dan berkembang secara holistik (Tee & Mariani, 2018). Beaty (2019) juga memperakui perkembangan kanak-kanak khususnya pada tahap prasekolah tidak akan sempurna dari segi kognitif dan fizikal jika diberikan arahan akademik secara formal kerana kanak-kanak belajar melalui bermain. Oleh itu, NAEYC menggalakkan pendekatan bermain dalam kurikulum awal kanak-kanak dan menyatakan amalan pengajaran guru perlu bersesuaian dengan keperluan, umur dan perkembangan kanak-kanak (Sharifah & Aliza, 2013a).

### **Rasional Amalan Bersesuaian Perkembangan sebagai Kompetensi Profesional Guru dalam Pendidikan Prasekolah**

Menurut Spencer dan Spencer (1993), kompetensi ialah kemahiran dan kebolehan dalam melaksanakan sesuatu perkara yang telah diperoleh daripada pengalaman pekerjaan, pengalaman hidup, pendidikan atau latihan. Mereka mempercayai kompetensi dan prestasi pekerjaan sangat penting dan berkait rapat kerana jika seseorang pekerja ingin meningkatkan prestasinya perlu mempunyai kompetensi bersesuaian dengan tugas pekerjaan. Mengikut kriteria Standard Guru Malaysia, kompetensi profesional yang diperlukan untuk berfungsi sebagai guru cemerlang merangkumi nilai profesionalisme keguruan, pengetahuan dan kefahaman dan kemahiran PdP yang tinggi (KPM, 2009). Walau bagaimanapun, keperluan kompetensi profesional bagi guru berkemungkinan sama dan kemungkinannya berbeza mengikut pengkhususan bidang atau ikhtisas. Dalam pendidikan prasekolah, ABP terbukti menjadi keperluan guru membina kualiti dalam pekerjaannya. Pengetahuan guru mengenai ABP membantu mereka melaksanakan aktiviti PdP dengan kaedah, pendekatan, teknik, strategi dan bahan bantu mengajar yang bersesuaian dengan keperluan, umur, pertumbuhan, perkembangan, kebolehan, bakat dan minat kanak-kanak.

Jika diteliti kajian Alford et al. (2016), kanak-kanak tadika yang kerap diajar oleh guru menggunakan ABP lebih cenderung melakukan tugas secara kinestetik, memberi respon terhadap pertanyaan guru dan bebas meneroka. Sebaliknya, kanak-kanak yang kurang diajar dengan ABP, didapati lebih cenderung terganggu dan tidak mengambil bahagian dalam aktiviti PdP. Begitu juga kajian Hong dan Diamond (2012) mendapati kanak-kanak empat hingga lima tahun dalam kumpulan intervensi pembelajaran responsif mengikut perseptif konstruktivisme mempelajari kosa kata dan konsep sains lebih baik berbanding kumpulan kawalan. Mereka juga mendapati kanak-kanak umur sama dalam kumpulan intervensi lain iaitu gabungan pembelajaran responsif dan arahan eksplisit yang bersesuaian dengan tahap pemahaman dan kemahiran kanak-kanak mempelajari lebih banyak kosa kata dan konsep sains serta lebih baik menggunakan kemahiran menyelesaikan masalah saintifik kandungan tertentu. Tidak terkecuali kajian dalam negara oleh Aliza dan Zamri (2015), kanak-kanak prasekolah menunjukkan respon positif terhadap pendekatan bermain dalam pembelajaran bahasa dan kesan daripada pengalaman tersebut, kanak-kanak kelihatan lebih baik dan mudah mempelajari bahasa. Dengan ini, ABP jelas memberi hasil pembelajaran positif kepada kanak-kanak (Ahmed & Ibrahim, 2016; Copple & Bredekamp, 2009). Justeru, tidak dinafikan ABP merupakan teras profesionalisme bagi guru dalam pendidikan prasekolah kerana dapat memberi kualiti dalam PdP sekali gus membina kecemerlangan pendidikan kanak-kanak.

## **Kesimpulan**

Secara keseluruhan, dalam sistem pendidikan kebangsaan di Malaysia, pendidikan prasekolah ialah tempoh paling kritikal merangsang potensi menyeluruh kanak-kanak sebagai kesediaan untuk pendidikan rendah. Perlu difahami pendidikan prasekolah merupakan sebahagian daripada pendidikan awal kerana melibatkan kanak-kanak berumur empat hingga enam tahun. Jika kanak-kanak menerima pengalaman pendidikan awal yang lemah, mereka akan bermasalah pada peringkat pembelajaran seterusnya. Melalui ABP, NAEYC telah menjelaskan bagaimana kepercayaan terhadap pembelajaran kanak-kanak, bagaimana memastikan kanak-kanak berkembang seperti sepatutnya dan bagaimana membentuk program pendidikan awal sebaiknya untuk memenuhi keperluan kanak-kanak berumur lahir hingga lapan tahun. Oleh itu, ABP dianggap sebagai kompetensi profesional yang diperlukan oleh guru pendidikan prasekolah bagi meningkatkan kualiti dalam PdP sekali gus membina profesionalisme dalam profesion perguruan. Dengan ini, sebagai guru pendidikan prasekolah yang sudah tentunya terlibat sama dalam pendidikan awal tidak kira sektor kerajaan mahupun swasta perlu memiliki pengetahuan ABP sebelum memulakan PdP. Hal ini bagi memastikan kanak-kanak akan memperoleh akses pendidikan prasekolah yang bersesuaian, bermakna dan berkualiti untuk



kecemerlangan pendidikan mereka. Dengan penyediaan pendidikan prasekolah sedemikian, matlamat pendidikan prasekolah akan tercapai dan tuntutan FPK dapat dipenuhi.

## Rujukan

- Agensi Kelayakan Malaysia. (2014). *Standard program: Pendidikan awal kanak-kanak*. Petaling Jaya, Selangor: Bahagian Standard Agensi Kelayakan Malaysia.
- Ahmed Hassan Hemdan Mohamed & Ibrahim Amin Al-Qaryouti. (2016). The association between preschool teachers' beliefs and practices about developmentally appropriate practices. *Early Child Development and Care*, 186(12), 1972-1982. Doi:10.1080/03004430.2016.1146260
- Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)*. (Cetakan semula). (2012). Malaysia: Pesuruhjaya Penyemak Undang-undang 1968.
- Alford, B. L., Rollins, K. B., Padrón, Y. N. & Waxman, H. C. (2016). Using systematic classroom observation to explore student engagement as a function of teachers' Developmentally Appropriate Instructional Practices (DAIP) in ethnically diverse pre-kindergarten through second-grade classrooms. *Early Childhood Education Journal*, 44(6), 623-635. Doi:10.1007/s10643-015-0748-8
- Aliza Ali & Zamri Mahamod. (2015). Development of play-based instruction module for teaching preschoolers' language skills. *Australian Journal of Basic and Applied Sciences*, 9(34), 110-118.
- Beaty, J. J. (2019). *Preschool appropriate practice: Environment, curriculum and development*. (5th ed.). United State of America, Boston: Cengage.
- Beaver, N., Wyatt, S. & Jackman, H. (2018). *Early education curriculum: A child's connection to the world*. United State of America, Boston: Cengage Learning.
- Copple, C. & Bredekamp, S. (Eds.). (2009). *Developmentally appropriate practice in early childhood programs*. (3rd ed.). Washington, DC: National Association for the Education of Young Children.
- Demircan, Ö. & Erden, F. T. (2015). Parental involvement and developmentally appropriate practices: A comparison of parent and teacher beliefs. *Journal of Early Child Development and Care*, 185(2), 209-225. Doi:10.1080/03004430.2014.919493
- Gestwicki, C. (2014). *Development appropriate practice: Curriculum and development in early education*. (5th ed.). United State, Wadsworth: Cengage Learning.
- Hong, S. Y. & Diamond, K. E. (2012). Two approaches to teaching young children science concepts, vocabulary, and scientific problem-solving skills. *Early Childhood Research Quarterly*, 27(2), 295-305. Doi:10.1016/j.ecresq.2011.09.006.
- Hu, B. Y., Fan, X., Yang, Y. & Neitzel, J. (2017). Chinese preschool teachers' knowledge and practice of teacher-child interactions: The mediating role of teachers' beliefs about children. *Teaching and Teacher Education*, 63, 137-147. Doi:10.1016/j.tate.2016.12.014
- Jackman, H. L., Beaver, N. H. & Wyatt, S. S. (2015). *Early education curriculum: A child's connection to the world*. (6th ed.) United State, Stamford: Cengage Learning.
- Jain Chee., Mariani, M. N., Abdul Jalil Othman & Nor Mashitah, M. R. (2017). Understanding the content pedagogical knowledge among preschool teachers and application of developmentally appropriate practices in teaching. *International Journal Of Advanced and Applied Sciences*, 4(3), 148-153. Doi:10.21833/ijaas.2017.03.023
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2001). *Kurikulum Prasekolah Kebangsaan*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2009). *Standard Guru Malaysia*. Putrajaya: Bahagian Pendidikan Guru.

- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2010). *Dokumen Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). *Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan: Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kostelnik, M. J., Soderman, A. K. & Whiren, A. P. (2014). *Developmentally appropriate curriculum best practices early childhood education*. (5th ed.). United State of America: Pearson Education Limited.
- Lerikkanen, M. K., Kiuru, N., Pakarinen, E., Poikkeus, A. M., Rasku-Puttonen, H., Siekkinen, M. & Nurmi, J. E. (2016). Child-centered versus teacher-directed teaching practices: Associations with the development of academic skills in the first grade at school. *Early Childhood Research Quarterly*, 36, 145-156. Doi: 10.1016/j.ecresq.2015.12.023
- Nor Fauzian Kassim & Fauziah Hanim. (2015). Kurikulum pendidikan awal kanak-kanak dan modul pendidikan akhlak: Isu dan cabaran masa kini. *National Research Seminar 2015 "Strengthening Scholarships Through Research"*, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 9 Mei (ms.733-746).
- Selmi, A. M., Gallagher, R. J. & Mora-Flores, E. R. (2015). *Early childhood curriculum for all learners: Integrating play and literacy activities*. United State of America: SAGE Publication.
- Sharifah Nor Puteh & Aliza Ali. (2013a). Preschool teachers' perceptions towards the use of play-based approach in language and literacy development for preschool. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 10, 79-98.
- Sharifah Nor Puteh & Aliza Ali. (2013b). *Belajar melalui bermain: Prinsip utama kurikulum pendidikan awal kanak-kanak*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd.
- Si, L. B., Qiao, H. Y. & Li, X. W. (2017). Education quality of rural preschool education institutions based on the NAEYC evaluation standard: An empirical study of 20 kindergartens in Cang County of Hebei Province. *Eurasia Journal of Mathematics, Science and Technology Education*, 13(12), 8295-8304. Doi:10.12973/ejmste/80789
- Spencer, L. M. & Spencer, S. M. (1993). *Competence at work: Model for superior performance*. New York: John Wiley & Sons.
- Tee, Y. Q. & Mariani Md Nor. (2018). Exploring issues on teaching and learning in Malaysian private preschools. *Malaysian Online Journal of Educational Management (MOJEM)*, 6(2), 67-82. Doi:10.22452/mojem.vol6no2.4
- UNESCO & UNICEF. (2012). *Asia-Pacific end of decade notes on education for all: Early childhood care and education*. (Electronic ed.). Asia-Pacific: UNESCO Bangkok, UNICEF EAPRO and UNICEF ROSA.
- Yahya Don, Yaakob Daud, Mohd Izham Ghazali & Zuraidah Juliana Mohamad Yusoff. (2015). *Kompetensi emosi dan kualiti guru: Pendidikan prasekolah di Malaysia*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Zetty Akthar Abd Manap & Faridah Yunus. (2017). Pelaksanaan Dokumen Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) di tadika swasta dalam daerah Limbang, Sarawak. *Seminar Penyelidikan Pendidikan 2017*, IPBL, Kuching, Sarawak, 20-22 Mac (ms.2032-2039).